



PERMOHONAN CUTI SABATIKAL
STATUT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (CUTI SABATIKAL) 2001

(Sila rujuk kepada Garis panduan sebelum mengisi borang ini)

Gambar

Bahagian A : BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama : _____
2. No. Pekerja : _____
3. Jawatan : _____ Gred : _____
4. Fakulti/Pusat/Bhg : _____ Kampus : _____
5. Tarikh Lantikan Pensyarah : _____ Tarikh Sah Jawatan : _____
6. Kelulusan Akademik Tertinggi : _____
7. No. Telefon : (H/P) _____ (R) _____ (P) _____

Bahagian B : LATAR BELAKANG CUTI SABATIKAL TERDAHULU

8. Cuti Sabatikal yang lalu : Mula _____ Tamat _____ Tempoh : _____ bulan
9. Tempat Cuti Sabatikal : _____ Negara : _____
10. Bidang Pengkhususan : _____

Bahagian C : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN SEKARANG

11. Tempoh Cuti Sabatikal dipohon : Mulai _____ hingga _____
12. Tempat Cuti Sabatikal : _____ Negara : _____
13. Tujuan Cuti Sabatikal membuat penyelidikan.
Tajuk Penyelidikan : _____

14. Geran/ Pemiayaan (Punca) : _____
15. Ringkasan Program Cuti Sabatikal : _____

(Sila lampirkan sinopsis penyelidikan)

Program Cuti Sabatikal yang lebih terperinci mesti disertakan sebagai lampiran. Program mesti mengandungi OBJEKTIF, TEMPAT, TARIKH, KAEDAH, JADUAL PERANCANGAN dan HASIL/FAEDAH)

16. Hubungan program Cuti Sabatikal dengan pengajaran/ penyelidikan serta faedahnya kepada negara dan UiTM.

17. Adakah institusi/ penyelia bersetuju menerima pemohon untuk menjalankan program yang dicadangkan?

Ya

Tidak

Menunggu Jawapan

Nama Penyelia : _____

(Sertakan surat pengesahan)

18. Nyatakan sebab memilih institusi/ tempat yang dicadangkan.

19. Adakah memohon atau menerima biasiswa/ hadiah/ anugerah luar?

Ya

Tidak

Menunggu Jawapan

Nama badan penaja : _____

20. Jika ya, tandakan (✓) untuk menunjukkan bantuan yang diterima:

Elaun Sara Hidup sebanyak RM _____ sebulan selama _____ bulan

Tambang perjalanan Elaun Pakaian Elaun Buku Insuran Kesihatan

'Bench Fee/ Attachment Fee' sebanyak _____

(Sertakan dokumen pengesahan berkenaan)

Bahagian D : AKUAN PEMOHON

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Bahagian E : ULASAN DAN PERAKUAN KETUA JABATAN DAN DEKAN

BIL	PERKARA	KETUA JABATAN	DEKAN
21.	Kaitan program sabbatical dengan pengajaran / penyelidikan dan faedah kepada pemohon, negara dan UiTM		
22.	Bolehkah program dijalankan di dalam negara?		
23.	Adakah institusi/ tempat yang dipilih paling baik untuk program yang dikemukakan?		
24.	Bolehkah pemohon dilepaskan dari Fakulti/ Cawangan bagi tempoh yang dipohon tanpa tambahan kos kepada UiTM?		
25.	Pandangan dan perakuan		
26.	Nama, tandatangan dan cop		

Bahagian F: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Mesyuarat JKLP (I) Bil. _____ Tarikh : _____

Keputusan : Diluluskan ditolak ditangguhkan

PANDUAN KEPADA PEMOHON

1. Permohonan Cuti Sabatikal hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh Cuti Sabatikal yang dicadangkan/ dipohon.
2. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang CS/JKLPS(I)/2008 (Pindaan 1) (1 salinan). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) melalui Ketua Jabatan dan Dekan. Satu salinan hendaklah disimpan di pejabat Dekan Fakulti.
3. Pemohon hendaklah menyertakan surat-menyurat yang berkaitan dengan program Cuti Sabatikal dipohon. Contoh : surat pengesahan penerimaan untuk menjalankan penyelidikan di institusi berkenaan, atau penerimaan mengikuti ijazah tinggi berkenaan, atau untuk penerimaan sebagai pensyarah pelawat, dll.
4. Jika ruangan yang disediakan dalam borang tidak mencukupi, sila sertakan lampiran.
5. Pemohon layak menerima perbelanjaan dan elaun perjalanan mengikut kadar yang terpakai bagi sesuatu tempat di luar Malaysia bagi suatu tempoh yang tidak kurang dari empat (4) bulan.
6. Cuti Sabatikal yang dipohon selepas segenap perkhidmatan selama tiga (3) tahun berterusan mengikut peraturan Cuti Sabatikal hanya boleh diambil di Malaysia. Dalam kes yang difikirkan munasabah pihak Universiti boleh meluluskan program Cuti Sabatikal itu untuk diambil di luar Malaysia tetapi pemohon tidak layak mendapat apa-apa bantuan perjalanan atau perbelanjaan lain.
7. Cuti rehat yang mungkin telah dikumpulkan oleh seseorang pemohon sebelum ia memulakan Cuti Sabatikal akan disifatkan sebagai telah luput mulai tarikh ia memulakan cuti sabatikalnya.
8. Bagi staf yang mengikuti program Cuti Sabatikal selama sembilan (9) bulan sepenuhnya di luar Malaysia termasuk Singapura boleh memohon untuk mengambil cuti terkumpul sebanyak empat belas (14) hari daripada jumlah cuti rehat yang terkumpul untuk digunakan sebaik sahaja tamat cuti sabatikalnya.
9. Staf boleh memohon untuk menukarkan separuh daripada cuti rehat yang layak pada tahun itu kepada Hadiah Gantian Wang Tunai.
10. Jika seseorang staf tidak mengambil cuti sabatikalnya pada tarikh genap masanya, atau pada tarikh cuti itu mungkin telah ditangguhkan di bawah peraturan yang ditetapkan, maka cuti sabatikal itu akan disifatkan sebagai telah luput.

SYARAT – SYARAT PERMOHONAN

A. PERMOHONAN DAN KELULUSAN CUTI SABATIKAL

1. Permohonan cuti sabatikal hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) melalui Dekan Fakulti/ Ketua Pusat sekurang-kurangnya (3) bulan sebelum tarikh memohon memulakan Cuti Sabatikal (Dalam Negara) dan sekurang-kurangnya (5) bulan sebelum tarikh memohon memulakan Cuti Sabatikal (Luar Negara) dengan menyertakan :
 - (a) borang permohonan Cuti Sabatikal,
 - (b) borang Pengesahan Pembentangan Rancangan Penyelidikan oleh Lembaga Akademik Fakulti; (cadangan penyelidikan)
 - (c) cadangan penyelidikan Cuti Sabatikal untuk penilaian Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI); diuruskan oleh JPbSM.
 - (d) perancangan kerja program semasa cuti sabatikal; dan
 - (e) Surat/pemakluman penerimaan untuk menjalani Cuti Sabatikal oleh tempat menjalankan penyelidikan.
2. Kelulusan permohonan Cuti Sabatikal adalah di dalam bidang kuasa Jawatakuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) UiTM.

B. KELAYAKAN PEMBERIAN CUTI SABATIKAL DAN TUJUAN

1. Seseorang staf layak dipertimbangkan cuti sabatikal selama tempoh berikut:
 - (a) tidak lebih daripada satu (1) semester lamanya jika ia telah genap perkhidmatan tiga tahun; atau
 - (b) tidak lebih daripada dua (2) semester lamanya, jika ia telah genap perkhidmatan lima tahun.Bagi maksud mengikuti mana-mana program berikut:
 - (i) penyelidikan dalam bidang pengajian yang tertentu.
2. Seseorang staf boleh diberi cuti sabatikal jika:
 - (a) telah disahkan dalam jawatannya;
 - (b) tidak akan melebihi umur 54 tahun pada tarikh memulakan cuti sabatikalnya.
 - (c) telah genap perkhidmatan tiga tahun atau perkhidmatan lima tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan: